



PGA 101 PELAJAR DAN KEPERLUAN PEMBELAJARAN

NAMA PENSYARAH:

DR. SHAHABUDDIN BIN HASHIM

NAMA AHLI KUMPULAN:

RABIATUL ADAWIYAH BINTI ZAINUL (136488)

NURUL HIDAYAH BINTI MAT ARIF (136478)

PERKEMBANGAN EMOSI KANAK-KANAK UNTUK PANDUAN BAKAL GURU

DISEDIAKAN OLEH:

RABIATUL ADAWIYAH BINTI ZAINUL (136488)

NURUL HIDAYAH BINTI MAT ARIF (136478)



ISI KANDUNGAN

BIL	BUTIRAN
1	Definisi dan Teori
2	Jenis-Jenis Emosi dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak
3	Aktiviti Bagi Mewujudkan Emosi Dalam Diri Kanak-Kanak
4	Idea Bagi Menstabilkan Emosi Kanak-Kanak
5	Tahap Gangguan Emosi
6	Tanda-Tanda Gangguan Emosi Kanak-Kanak

PENGENALAN

E-book ini menceritakan tentang emosi kanak-kanak

Jenis-jenis emosi yang terdapat dalam kehidupan mereka

**Aktiviti yang dapat mewujudkan emosi dalam diri
kanak-kanak**

Idea untuk menstabilkan emosi kanak-kanak

Tahap gangguan emosi

Tanda-tanda kanak-kanak mengalami gangguan emosi

DEFINISI

PERKEMBANGAN

Menurut Kamus Lengkap Psikologi (J.P Chaplin, 2004:134) adalah kedewasaan atau kemunculan pola-pola asasi dari tingkah laku yang dipelajari

KANAK-KANAK

Kanak-kanak (juga digelarkan budak atau anak kecil) ialah manusia yang muda, iaitu seorang yang masih belum mencapai baligh.

"Perkembangan kanak-kanak" ialah kajian proses dan mekanisme yang bertindak sewaktu perkembangan fizikal dan mental seorang bayi menjadi orang dewasa.

TEORI

GEORGE MILLER

Berpendapat emosi adalah pengalaman seseorang tentang perasaan yang kuat, dan biasanya diringi dengan tindakan-tindakan pemaksaan

DANIEL GOLEMAN

MOHAMASD NAZAR MOHAMMAD, 1992

Emosi didefinisikan sebagai suatu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi

Emosi merujuk kepada sesuatu perasaan dan pemikiran tersendiri di bawah keadaan psikologi dan biologika, serta ada kecenderungan yang berbeza-beza untuk bertindak

MOHD NAZAR MUHAMMAD (2011)

Satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi

LEFRANCOIS (2001)

Emosi adalah perasaan dalam tingkah laku manusia

NIK FARIDAH NIK MUHAMMAD AFFENDI
& ARBA'EI SUJUD

Emosi adalah suatu yang wajar hadir dalam kehidupan setiap manusia kerana tanpa emosi kehidupan seseorang akan menjadi kosong dan membosankan.

SANTOCK (1998)

Emosi ialah perasaan melibatkan satu gabungan rangsangan fisiologi (physiological arousal) seperti degupan jantung yang laju dengan tingkah laku yang nyata seperti senyum.



JENIS-JENIS EMOSI DAN KESANNYA...



AKTIVITI BAGI MEWUJUDKAN EMOSI DALAM DIRI KANAK-KANAK

1. BERMAIN MENEKA WAJAH

- i. Membuat riak wajah yang menggambarkan sesuatu emosi.
- ii. Meminta kanak-kanak meneka riak wajah tersebut.
- iii. Jika mereka meneka dengan betul, beritahu punca dan sebab seseorang beremosi begitu
- iv. Jika kanak-kanak tersebut memberi jawapan yang salah, beritahu jawapan yang betul dan terangkan penyebabnya.

2. PADANAN EMOSI

- i. Menyediakan gambar bercetak emoji-emoji yang sesuai dengan emosi yang hendak diberi tumpuan.
- ii. Berikan gambar-gambar bercetak emoji yang berlainan secara serentak kepada kanak-kanak.
- iii. Secara rawak, guru sebutkan satu emosi dan minta kanak-kanak memilih gambar emoji yang menggambarkan emosi yang telah disebut.

3. EMOTIKA TELUR

- i. Dapatkan beberapa telur plastik yang boleh dibuka separuh (dari kedai seni atau kedai bekalan parti)
- ii. Lukiskan pelbagai emosi pada telur menggunakan pen penanda kekal (lukiskan mata pada separuh bahagian atas telur dan mulut pada separuh bahagian bawah telur)
- iii. Biarkan kanak-kanak bermain dengannya agar mereka biasa dengan emosi-emosi yang berbeza dan pelbagai atau digunakan untuk bermain padanan emosi.

4. AKTIVITI LAIN

- i. Bahan bacaan - sesuai dengan usia mereka sebagai kanak-kanak.
- ii. Menonton kartun
- iii. Melukis emoji - diaplikasikan pada setiap hari (sebelum memulakan pengajaran) bagi mengenalpasti emosi pelajar pada hari itu.
- iv. Bersukan

IDEA UNTUL MENSTABILKAN EMOSI KANAK-KANAK




DRAMA PENDEK

3


TAHAP
GANGGUAN
EMOSI KANAK-
KANAK




TIGA JENIS TAHAP:



RINGAN



SEDERHANA



BERAT



GANGGUAN EMOSI RINGAN

Emosi jenis ini tidak terlalu kelihatan ciri-cirinya

Selalunya boleh diatasi sendiri oleh kanak-kanak


Contohnya, berebut bermain tetapi dapat mengatasinya sendiri emosinya yang terganggu

GANGGUAN EMOSI SEDERHANA

Emosi jenis ini pula lebih jelas kelihatan berbanding emosi ringan

Contohnya, guru yang menyuruh pelajar melakukan perkara yang tidak disukai lalu menangis untuk menyatakan kekecewaan.

Ia dapat dilihat dari segi fizikal seperti gerak badan, mimik muka dan perlakuan kanak-kanak tersebut seperti marah, takut, sedih dan sebagainya tetapi masih berada pada tahap biasa dan masih biasa atau normal bagi kanak-kanak. Penentangan yang ditunjukkan lebih kuat berbanding emosi jenis ringan sehingga menyebabkan mereka menggunakan pelbagai cara seperti menangis.



GANGGUAN EMOSI BERAT

Emosi ini pula dapat dilihat dari segi fizikalnya dengan jelas apabila mengalami gangguan emosi kerana tingkah laku murid kelihatan pelik berbanding biasa.

Ia agak bahaya kerana mampu mengundang bahaya apabila melakukan kecederaan kepada diri sendiri dan rakan-rakannya.

Contohnya, apabila mereka marah yang mengakibatkan pergaduhan untuk memuaskan hati sendiri.

Apabila mereka tidak mampu mengawal kanak-kanak tersebut akan menjerit-jerit dan menghentak kaki atau anggota badan sehingga mendatangkan kecederaan.

TANDA-TANDA GANGGUAN EMOSI KANAK- KANAK



PERUBAHAN RUTIN PEMAKANAN

Kanak-kanak yang mengalami tekanan emosi cenderung untuk mempengaruhi selera dan pengambilan makanan mereka. Bagi sesetengah kanak-kanak, tekanan perasaan yang berlebihan cenderung untuk menyebabkan kehilangan selera makan. Sebaliknya, bagi sesetengah kanak-kanak, pengambilan makanan seperti ais krim dan coklat cenderung untuk meningkat seiring dengan tekanan perasaan yang di alami. Perubahan mendadak selera makan mungkin berkait dengan bebanan emosi yang berlebihan dan harus dipandang serius. Kanak-kanak hilang selera makan juga boleh disebabkan oleh merajuk dan bertegas untuk tidak makan hanya kerana mahu menarik perhatian ibu bapa atau guru. Menolak untuk makan juga salah satu cara mereka menunjukkan protes dan menarik perhatian ibu bapa. Sebagainya contohnya seorang kanak-kanak telah dihantar untuk diasuh oleh orang lain tetapi kanak-kanak tersebut hilang selera makan kerana dia berasa sedih ditinggalkan oleh ibunya.

Tekanan perasaan sering menyebabkan gangguan terhadap kesehatan. Kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi sebenarnya kerap jatuh sakit. Antara masalah kesehatan yang biasa dikaitkan dengan tekanan emosi kanak-kanak adalah:


MASALAH KESIHATAN



Sering muntah



Sakit kepala



Loya tekak



Sakit perut



Gigit kuku

SUKA MENYENDIRI

Tekanan emosi yang menunjukkan kelakuan suka menyendiri disebabkan emosi yang tidak stabil. Antara gangguan personaliti yang berlaku ialah antisosial. Ada sesetengah kanak-kanak tidak dibiasakan untuk berkomunikasi dan berhubung dengan orang lain secara terbuka. Akibatnya mereka berasa kurang keyakinan, dan kemahiran bersosial yang terbantut. Apabila kanak-kanak ini dimasukkan ke taska atau tadika mereka mengalami ketegangan atau tekanan, di mana mereka merasa kurang yakin pada diri sendiri serta tidak banyak bercakap.

Malah, perasaan takut mungkin bersarang dalam jiwa mereka, terutama berhadapan dengan guru. Oleh itu para pengasuh tadika atau guru sepatutnya memainkan peranan yang lebih positif untuk membantu kanak-kanak ini agar mereka merasa lebih selesa dalam suasana baru dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran sosial mereka



KERAP MENANGIS DAN MEMBERONTAK



Kanak-kanak yang kerap menangis dan memberontak juga digelar tantrum adalah perkara yang biasa di kalangan kanak-kanak berusia 18 – 48 bulan. Tantrum adalah sesuatu yang normal tetapi mencabar kesabaran. Tantrum boleh berlaku dalam bentuk kemarahan, kekecewaan, dan tingkah laku yang mencabar. Kanak-kanak akan menjerit, menangis, menendang, memecahkan barang-barang, berkelakuan ganas dan kadangkala, menahan nafas mereka. Pada umur lebih kurang dua tahun, kanak-kanak akan menguji had kesabaran penjaga dan mereka tidak boleh melihat sesuatu perkara dari pandangan orang lain. Mereka ingin bebas untuk meneroka persekitaran mereka. Pada masa yang sama, ibubapa atau guru-guru meletakkan had tertentu kerana keselamatan atau sebab-sebab lain. Jika ini berlaku, mereka merasa kecewa kerana mereka mahu lakukan apa yang mereka mahu. Apabila mereka kecewa, mereka menunjukkan kekecewaan dan kemarahan dengan menangis, memukul dan menjerit. Mereka belum mempunyai kemahiran untuk meluahkan kemarahan dan kekecewaan dalam cara lain. Oleh itu, tantrums adalah peluang yang baik untuk kanak-kanak belajar bagaimana mengendalikan kekecewaan dan kemarahan. Selalunya, kanak-kanak akan hentikan tantrum bila mereka dapat apa yang mereka mahu. Tantrums ini juga merupakan salah satu tanda-tanda kanak-kanak mengalami gangguan emosi kerana mereka tidak tahu bagaimana untuk mengawalinya dan meluahkannya.



KESIMPULAN

Diharapkan E-Book ini dapat memberi pendedahan dan dapat membantu bakal-bakal guru untuk mengawal emosi pelajar terumatanya kanak-kanak kerana mereka tidak tahu bagaimana untuk meluahkan perasaan mereka. Semoga para pembaca dapat manfaat daripada E-Book ini.

A vibrant, stylized illustration. On the left, a hand is shown holding a stack of money, with the bills rendered in various colors (red, purple, blue, yellow, orange) and detailed with fine lines and shading. To the right, a large, pink, cloud-like thought bubble with a dark outline contains the text 'MARI KITA MENJAWAP SOALAN INI...'. The background is filled with colorful, swirling patterns and decorative elements, including a crown-like shape at the top and various colored dots and lines.

SOALAN A

Crossword Puzzle



Down:

1. Aktiviti yang memerlukan gambar-gambar bercetak emoji.
5. Seseorang boleh menggunakannya untuk menggambarkan emosi.
8. salah satu idea untuk menstabilkan emosi kanak-kanak.
9. Emosi yang disebabkan rasa terancam.

Across:

2. Aktiviti yang memerlukan telur plastik.
3. Emosi yang tercetus apabila kanak-kanak rasa berpuas hati.
4. Ucapan yang digunakan sebagai tanda menghargai sesuatu tindakan.
6. Salah satu penyebab kanak-kanak beremosi sedih.
7. Aktiviti lain yang boleh dijalankan dan boleh mengeluarkan peluh.
10. Perkataan lain bagi menggantikan cendera mata.



SOALAN B

Word Search

T P E G B P P L O G C T A V H
 I E U S E D I H K N W G M T A
 F I R J I O D O L D G T S A D
 G P N I I U M X M L E Q U K I
 E F U V M A M C X Y R Y U U A
 M V S Q V A N T A S A H X T H
 B V J P G Z K L G I M P O V V
 I S H V A E Z A M A R A H H J
 R Q E K A S I H S A Y A N G O
 A Z K N H B U D K I W P L A G
 M C V V Y M M G E M H O Q Q K
 A E W G J U A H X T H G L J P
 L M C Q N W M W D N R L F Q H
 U A P Y D E F A N V B G X D P
 S S J K F B L E N A T I K A Y

kasih sayang

terima kasih

Senyuman

gembira

hadiah

Pujian

takut

sedih

cemas


marah

geram

malu



Crossword Puzzle




Down:


1. Aktiviti yang memerlukan gambar-gambar bercetak emoji.
5. Seseorang boleh menggunakannya untuk menggambarkan emosi.
8. salah satu idea untuk menstabilkan emosi kanak-kanak.
9. Emosi yang disebabkan rasa terancam.

Across:

2. Aktiviti yang memerlukan telur plastik.
3. Emosi yang tercetus apabila kanak-kanak rasa berpuas hati.
4. Ucapan yang digunakan sebagai tanda menghargai sesuatu tindakan.
6. Salah satu penyebab kanak-kanak beremosi sedih.
7. Aktiviti lain yang boleh dijalankan dan boleh mengeluarkan peluh.
10. Perkataan lain bagi menggantikan cendera mata.



Word Search



- | | | | |
|--------------|--------------|----------|---------|
| kasih sayang | terima kasih | Senyuman | gembira |
| hadiah | Pujian | takut | sedih |
| cemas | marah | geram | malu |





TERIMA KASIH..

SEMOGA E-BOOK INI DAPAT MEMBERI
MANFAAT KEPADA ANDA

